

16 JUL 1996

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA SADDAM

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Iraq Saddam Hussein sempena hari kebangsaan ke-28 negara itu esok.

Dalam perutusannya, Seri Paduka berharap hubungan erat dan kerjasama antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan.

Dalam perutusan yang sama kepada Saddam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap rakyat Iraq akan menikmati kemakmuran dan kebahagiaan dalam tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya, Muhammad Saeed As-Sahaf. -- BERNAMA

ZAB AKD